



Stop



Refresh



Home



AutoFill



Print



Mail

<http://www.unimap.edu.my>

Home Page

Apple

Apple Support

Apple Store

.Mac

Mac OS X

M

Koleksi Renungan

| Januari

Jenama

Perkataan pilihan untuk edisi kali ini, edisi pertama 2007 ini ialah Jenama, mahu atau tidak kita sentiasa dipengaruhi oleh jenama sesuatu barang yang hendak kita miliki, apabila kita sebut jenama, sudah tentu kita akan fikir tentang harganya dan harga itu bakal menentukan kualitinya pula. Oleh yang demikian, dalam apa jua keadaan sekalipun jenama jati diri kita tidak boleh dipandang enteng.

Diikuti pula oleh jenama institusi kita, bila disebut saja UniMAP atau dengan apa saja namanya selepas ini, yang penting ialah kualitinya, hasil, karismanya, imejnya adalah hasil daripada satu jenama yang kita bina selama ini, sebuah institusi yang menghasilkan jagoan ilmu yang hebat. Diharapkan usaha untuk memartabatkan dan sentiasa memastikan keunggulan 'jenama' yang kita bina selama ini akan diteruskan buat selama-lamanya. InsyaALLAH.

| Februari

Futuristik

Kita harus berfikir ke hadapan. Sebagai sebuah institusi pendidikan kita harus mampu melompat lebih jauh demi mempertahankan mutu serta kualiti bidang akademik dan bukan akademik.

Oleh itu sikap kita seperti berfikir terbuka, mencetus idea baru, sanggup mengembleng tenaga demi kecemerlangan disamping sentiasa sudi dan rela menerima kritikan pasti akan membantu untuk mencapai matlamat kita. Futuristik bukan bermakna kita lupa akan adat dan budaya, kita tidak mahu menjadi seorang manusia yang lupa akan sejarah yakni tidak bertamadun. Kita bina kekuatan dengan berpandangan jauh. Kita bina ketamadun universiti yang lebih dinamik dan hasilnya kita kongsi bersama demi memartabatkan ilmu sebagai teras kepada pembangunan individu dan negara tercinta.

Jihad

JIHAD, perjuangan suci yang ditagih untuk kita martabatkan setiap gerak geri kita demi mendukung cita-cita murni agama, bangsa dan negara kita. Kita harus serius dengan setiap usaha kita kerana jihad bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan. Bagi sesetengah pihak perkataan JIHAD mungkin menjadi mainan mulut tetapi harus di ingat JIHAD bukanlah sesuatu yang mudah seperti yang disebutkan. Perjuangan suci kita ini harus diterjemahkan melalui keimanan, ketaqwaan serta semangat yang tinggi.

Oleh itu sempena 50 tahun kemerdekaan ini, kita teruskan perjuangan kita untuk mempertahankan kemerdekaan, kekuatan perpaduan, semangat yang terus menyala serta paling penting JIHAD bagi memperbaiki diri dari masa ke semasa dengan bermuhasabah.

Dalam Konteks KUKUM, kita akan terus ber JIHAD memartabatkan jenama kita yang kita bina selama ini walaupun namanya kelak akan berubah tetapi semangatnya tetap sama malah akan bertambah lagi hari demi hari tanpa kompromi.

Fleksibel

Pencipta kereta FORD yang terkenal telah menyatakan 'to be flexible the car need to carry same weight on every side and for one need to first overcome own weakness, ego, inferiority and accepts critics as well as always stand in others foot'. Maksudnya jika kita mahukan sebuah kenderaan yang fleksibel maka bebanannya perlu sama pada setiap sudut. Manakala jika seseorang itu mahu menjadi fleksibel, maka orang itu perlulah mengatasi kelemahan diri sendiri terlebih dahulu, keangkuhan, inferioriti, menerima kritikan, teguran serta berdiri dalam situasi orang lain.

Menjadi insan fleksibel adalah senang untuk diucapkan tetapi adalah sukar untuk dikotakan. Paling bahaya apabila kita merasakan bahawa diri kita sangat sempurna! Kerana kita akan menafikan kelemahan pada diri kita atau segala yang kita lakukan kerana kita merasakan segala yang kita lakukan itulah betul. Itu bukan insan fleksibel namanya.

Sdra/ yang dikasih sekalian, Kita selalu terdengar ungkapan 'tiada manusia yang sempurna', ungkapan ini walaupun ada kebenarannya tetapi ia bukanlah alasan untuk kita mengambil jalan mudah atau mengiyakan segala tindak tanduk kita.

Menjadi insan fleksibel kita perlu mempunyai sekurang-kurangnya pengetahuan dalam beberapa hal seperti akademik dan bukan akademik, dan bukan sekadar mahir dalam satu bidang sahaja. Insan fleksibel juga sangat positif dalam hubungan kemanusiaan (community communication) seperti peramah, senang didekati dan menghormati perasaan orang lain. Insan fleksibel juga boleh diharapkan dan dapat menunaikan amanah dan tanggungjawab yang diberi. Selain itu insan fleksibel juga cukup dengan ilmu keagamaan. Adalah menjadi harapan DMNC, seluruh warga UniMAP akan menjadi individu yang fleksibel atau sentiasa berusaha kearah itu.



Bersama NC

Mac

Apr | Mei | Jun | Jul | Ogos | Sept | Okt | Nov | Dis

Meneraju

Meneraju merujuk kepada memegang teraju pimpinan, memimpin, mengetuai atau mengendalikan. Bagaimanakah harus kita lihat pengertian dan pelaksanaan kata-kata ini. Janganlah kita hanya megah melaungkan perkataan tersebut, sedangkan pada hakikatnya kita gagal memahami ertinya.

Meneraju pentadbiran sememangnya bukanlah sesuatu yg mudah. Halangannya terlalu banyak. Untuk meneraju sesebuah organisasi yang besar, kita mestilah sentiasa "current" dan pendekatan mestilah up-to-date dari masa ke semasa agar kita dapat meneraju organisasi dengan lebih mantap, lebih proaktif, dinamik dan rasional untuk melaksanakan perancangan organisasi. Apatah lagi kita sebuah organisasi berorientasikan pendidikan yang sentiasa bersaing antara satu sama lain.

Kita mesti menerajui UniMAP dengan mantap agar menjadi sebuah IPTA yang berdaya saing dan mampu melahirkan graduan-graduan yang berkualiti, bukan sahaja dalam bidang akademik bahkan juga dari segi kemahiran-kemahiran lain termasuk kepimpinan, kemahiran berkomunikasi, nilai murni dan sebagainya. Justeru, marilah kita bersama-sama berpadu tenaga untuk melakukan yang terbaik demi masa depan anak bangsa.

Mantap

Kemantapan diri kita adalah ukuran kepada segala sikap dan sifat sama ada dari segi spiritual atau fizikal. Seperti mana kita bersukan untuk memantapkan tahap kesihatan kita, sepertimana kita menela'ah buku untuk memantapkan tahap pengetahuan kita, seperti mana kita berdoa dan mengaji untuk memantapkan rohaniah kita, seperti itulah kita perlu gabungkan kesemua elemen ini dalam satu acuan yang mantap dan padat.

Kemantapan ini juga terpampang dalam sifat kematangan serta profesionalisma kita. Kadang kala kita lupa yang kita hanya berkata kita professional tetapi ia hanya penyedap mulut sahaja. Fikirkan.

Jadi DMNC kali ini mngajak seluruh warganya untuk menimbang serta menilai sejauh mana MANTAPNYA kita dan sudah tentu penilaian ini akan membuka satu lembaran baru dalam hidup kita.

